

**SULIT**

---



Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2018/2019

Disember 2018/Januari 2019

### **HMT501 – Fonetik Dan Fonologi Bahasa Melayu Lanjutan**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kerta peperiksaan ini mengandungi LIMA (5) muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

#### **ARAHAN:**

1. Kertas soalan ini mengandungi DUA bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab SEMUA soalan Bahagian A dan SATU (1) soalan daripada Bahagian B.
3. Jawab Soalan 1 DAN/ATAU Soalan 4 dalam SATU (1) buku jawapan.

Jawab Soalan 2 DAN/ATAU Soalan 5 dalam SATU (1) buku jawapan.

Jawab Soalan 3 dalam SATU (1) buku jawapan.

...2/-

**SULIT**


- 2 -

Bahagian A: Jawab SEMUA soalan.

1. Berdasarkan rumus dalam Rajah 1, bincangkan proses penasalan vokal bahasa Melayu yang berlaku di sempadan imbuhan awalan, sempadan imbuhan akhiran dan dalam kata dasar.

[25 markah]

Rajah 1: Rumus Penasalan Vokal Bahasa Melayu.



2. Dengan menyertakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan maksud pendekatan atur rumus A → B / C \_\_\_\_ D, berdasarkan proses-proses fonologi bahasa Melayu.

[25 markah]

...3/

**SULIT**

- 3 -

3. Huraikan fungsi organ-organ pertuturan yang berikut. Huraian anda hendaklah disertakan dengan contoh-contoh fonem dan gambar rajah yang sesuai.
- Pita suara
  - Rongga nasal
  - Lidah
  - Rongga oral
  - Larinks


[25 markah]

Bahagian B: Pilih SATU (1) soalan.

4. Berdasarkan contoh rumus dalam Rajah 2, bincangkan proses pengglotisan bahasa Melayu dan salah satu dialek Melayu yang anda tahu. Perbincangan anda hendaklah berdasarkan teori autosegmental dan Model Sagey (1976). Sertakan contoh-contoh yang sesuai.

[25 markah]

Rajah 2: Rumus Pengglotisan /k/ Bahasa Melayu dan Dialek-Dialek Melayu.



...4/

- 4 -

5. Jawab (a) dan (b).

(a) Dengan menyertakan contoh-contoh yang sesuai daripada bahasa Melayu atau dialek-dialek Melayu, jelaskan secara ringkas maksud proses-proses fonologi yang berikut:

- (i) Penyisipan
- (ii) Penasalan vokal
- (iii) Penengahan vokal

[15 markah]

(b) Berdasarkan hukum-hukum fonologi bahasa Melayu, transkripsikan teks lagu Melayu Asli dalam DATA 1 yang digariskan secara transkripsi sempit.

#### DATA 1

Penyanyi : Siti Nurhaliza  
 Nama Lagu: Kurik Kundi

**Nak berkarbar tingginya budi kita ya tuan**

**Nak berkisah kaya tutur bicara**

**Kalau tinggi untung jadi bintang**

**Kalau rendah masih jadi intan**

Teratak mahligai bak dipayung teduhnya  
 Bila budi melingkar anak asuhan  
 Adat yang lama berbudi berbahasa  
 Akar kehidupannya

Korus  
 (Perak)  
 Ada O ada E  
 Bunyinya tidaklah serupa  
 Erti tidak berbeza  
 Betui yong betui sungguh  
 Betui ape di kate  
 Selembut tarian hoi  
 Nak muda berlotah  
 Tutur bahasanya

...5/

- 5 -

**Mari yop marilah yong**

**Mari kita memikio**

**Parit dengan Kuala**

Cakap tidak serupe

( Kelantan )

Teghtek teghning oghe kito

Hok tu keno jago

Jange sapa berlete kale

**Luar napok come jange dale**

**Habih kuca lembe**

Luar napok come

Jange dale habih kuca lembe

( Sarawak )

Selembut madah begitu taghi

Sek ada sakit ghasa di hati

**Kamek nyambut madah tuan hulurkan**

Kitak nyambut madah kamek hulurkan

[10 markah]

- oooOooo -